

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN
BIN HAJI MOHD. YASSIN
KAWASAN : PAGOH
NO. SOALAN : 270

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan nilai komitmen pelaburan yang berjaya dibawa masuk daripada Amerika Syarikat ke Malaysia hasil kunjungan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat bertemu dengan Presiden Donald Trump.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat yang diadakan atas jemputan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump dari 11-13 September 2017 telah berjalan dengan jayanya. Saya sendiri telah mengikuti delegasi Malaysia ini berikutan perdagangan dan pelaburan merupakan salah satu agenda utama semasa lawatan ini. Usaha ini adalah penting dalam memperkukuhkan hubungan ekonomi dua hala dengan AS yang merupakan antara kuasa ekonomi terbesar dunia. AS juga

merupakan rakan dagang ketiga terbesar untuk Malaysia dengan jumlah dagangan mencecah RM136 bilion pada tahun 2016.

2. Dalam masa yang sama, YAB Perdana Menteri telah berjaya meningkatkan profil dan persepsi positif terhadap Malaysia sebagai rakan dagang dan pelaburan dari kaca mata 'stakeholders' yang berkepentingan termasuklah pentadbiran AS, ahli-ahli Kongres AS, pemimpin-pemimpin persatuan dan dewan perniagaan serta beberapa tokoh perniagaan AS terutamanya yang telah melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Adalah menjadi kelaziman bagi sektor swasta dan Kerajaan untuk mengadakan perbincangan pada beberapa peringkat sebelum keputusan berkaitan pelaburan dicapai. Sehubungan ini, adalah tidak munasabah untuk mengukur secara muktamad nilai komitmen pelaburan yang dibawa masuk hasil daripada Lawatan Kerja ke AS dalam masa yang sangat singkat.
4. Oleh yang demikian, adalah lebih wajar saya berkongsi mengenai jumlah pelaburan AS di Malaysia sehingga ke hari ini.
5. Syarikat-syarikat AS telah lama bertapak di Malaysia semenjak tahun 1980 dan melabur lebih daripada RM70 bilion dalam sektor pembuatan Malaysia. Selain daripada sektor pembuatan, syarikat-syarikat AS juga turut melabur dalam sektor minyak dan gas, perbankan dan insuran, perkhidmatan serta elektrik dan elektronik. Pelaburan mereka juga telah menjana sekurang-kurangnya 200,000 pekerjaan bagi rakyat Malaysia di negara kita.

- 188
6. Jumlah pelaburan daripada syarikat-syarikat AS dijangka akan turut bertambah di masa hadapan. Dalam setengah tahun pertama 2017, sejumlah RM354.1 juta pelaburan AS telah diluluskan dalam industri elektrik dan elektronik, jentera dan kelengkapan, serta industri peralatan pengukuran dan saintifik. Projek-projek ini akan menawarkan lebih 1,500 peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kita perlu berbangga kerana syarikat-syarikat AS mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Sebagai contoh, *2018 ASEAN Business Outlook Survey* yang diterbitkan pada 6 September 2017 antara lainnya menunjukkan sebanyak 63 peratus syarikat AS yang ditemubual menjangkakan pendapatan dari operasi mereka di Malaysia akan bertambah menjelang 2018 dan 57 peratus dari responden juga berhasrat untuk meluaskan operasi sedia ada mereka di Malaysia.
8. Syarikat-syarikat asing akan mempertimbangkan hubungan diplomatik yang baik di antara negara asal dan negara tuan rumah sebagai salah satu faktor penting sebelum sebarang keputusan pelaburan dibuat. Keyakinan tinggi pelabur-pelabur AS terhadap kekuatan ekonomi Malaysia juga perlu dipelihara supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat disediakan untuk rakyat melalui perluasan operasi tempatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Secara kesimpulannya, pertemuan di peringkat tertinggi di antara Malaysia dan AS semasa Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri pada bulan September yang lalu jelas menunjukkan betapa pentingnya perhubungan perdagangan dan pelaburan Malaysia dengan AS. Ia sudah pastinya akan dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur AS untuk terus melabur di Malaysia dan usaha ini harus dipandang sebagai langkah strategik yang akan membawa faedah jangka panjang kepada Negara.